



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : BAHAN DALAM REKABENTUK DALAMAN
KOD KURSUS : DRD1073
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan.
 - ii. Kertas Jawapan Objektif.
 - iii. Buku Jawapan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Kayu gred D (kayu lembut) sesuai digunakan sebagai
 - A Kapal, rangka, ukiran, jambatan, landasan.
 - B Panel hiasan, venir, papan lapis dan perabot.
 - C Parket, almari, cerucuk, pemegang alatan dan kekuda.
 - D Pintu, tingkap, siling, perabot, pensel dan bingkai gambar,

2. Apakah bahan yang terkandung pada lapisan luar papan lapis vinil?
 - A PVC
 - B *Lacquer*
 - C Kayu teras
 - D Urea atau melamin


3. Antara berikut, yang manakah merupakan logam bukan ferus?
 - A Besi waja
 - B Besi tuang
 - C Zink/ timah
 - D Besi tempa

4. *“Logam ini merupakan unsur logam yang terhasil dari bijih bauksit. Sifat fizikal logam ini banyak mempengaruhi industri pembuatan dalam pelbagai bidang kerana sifat fizikalnya tahan lasak, ringan, tahan karat dan pengalir elektrik yang baik”.*

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis logam yang dimaksudkan?

 - A Zink
 - B Timah
 - C Aluminium
 - D Magnesium

Soalan 5, 6 dan 7 adalah berdasarkan Rajah 1 di bawah:



Rajah 1

5. Namakan bahagian yang bertanda X
 - A Kaca atau *glass*
 - B Ruang pengudaraan atau *air space*
 - C Ruang pembahagi atau *divide space*
 - D Ruang tekanan atau *pressure space*

6. Bahagian bertanda Y ialah
 - A Kaca atau *glass*
 - B Penutup atau *seal*
 - C Penjarak atau *spacer*
 - D Agen pengering atau *desiccant*

7. Apakah bahagian bertanda Z?
 - A Kaca atau *glass*
 - B Penutup atau *seal*
 - C Penjarak atau *spacer*
 - D Agen pengering atau *desiccant*

8. "Bahan plastik ini terdiri daripada bahan plastik atau polimer jenis Polyvinyl Chloride (PVC atau V). Di industri pembuatan, bahan plastik jenis ini secara meluas digunakan pada bahan dan kelengkapan perpaipan sistem bekalan air sejuk dan juga paip kumbahan (sanitari) " .

Berdasarkan pada pernyataan di atas, nyatakan kategori kelas bagi plastik tersebut.

- A Plastik kelas 1
B Plastik kelas 2
C Plastik kelas 3
D Plastik kelas 5
9. Antara berikut, yang manakah merupakan plastik pengerasan terma (Thermoplastic)?
- A Phenolics
B Polietelina
C Polikarbonat
D Acrilonitril-butadine-stiren (ABS)


10.

- Jubin ini terhasil daripada bahan semulajadi.
- Di pasaran jubin ini terdapat dalam dua bentuk iaitu segiempat sama dan juga pecah (broken).
- Kos pemasangan dan penjagaan Jubin ini agak tinggi berbanding jubin yang lain namun dari segi ketahanan dan keselesaan permukaan lantai ianya agak baik dan berkualiti.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Mozek
B Marmar
C Jubin simen
D Jubin seramik

Soalan 11,12 dan 13 adalah berdasarkan Rajah 3 di bawah:



Rajah 3


11. Bahagian yang bertanda X ialah
- A Jubin mula
 - B Pelapik jubin
 - C Jubin panduan
 - D Jubin aras tanda
12. Apakah bahagian yang bertanda Y?
- A Aras spirit
 - B Timbang air
 - C Logam aras
 - D Kayu pemasas
13. Namakan bahagian bertanda Z.
- A Jubin mula
 - B Pelapik jubin
 - C Jubin panduan
 - D Jubin aras tanda

14. "Karpét ini mempunyai ketahanan yang tinggi dan fizikal karpét jenis ini lebih tahan lama berbanding karpét yang lain. Keadaan permukaan karpét jenis ini bergantung kepada jenis fabrik yang digunakan serta kepadatan fabrik tersebut ditenun".

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nama karpét tersebut?

- A *Frieze*
- B *Padding*
- C *Loop pile*
- D *Level loop*

Soalan 15,16 dan 17 adalah berdasarkan **Rajah 4** di bawah:



Rajah 4


15. Lapisan yang bertanda i dikenali sebagai
- A Lapisan kemasan atau *tread layer*
 - B Lapisan corak atau *decorative layer*
 - C Lapisan alas bawah atau *bottom layer*
 - D Lapisan teras gentian papan atau *fibreboard core*.

16. Apakah bahan utama bagi bahagian yang bertanda ii?
- A PVC
 - B Gypsum
 - C Kayu padu
 - D Papan lapis
17. Namakan bahagian yang bertanda iii.
- A Lapisan kemasan atau *tread layer*
 - B Lapisan corak atau *decorative layer*
 - C Lapisan alas bawah atau *bottom layer*
 - D Lapisan teras gentian papan atau *fibreboard core*
18. "Dikenali sebagai fabrik yang lembut, kuat dan sangat tahan lama. Kain ini memberikan kehangatan dan penampilan menarik. Fabrik ini digunakan dalam menyerap bau dan bunyi bising dalam jentera dan stereo pembesar suara."

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis kain tersebut?

- A Kain *linen*
- B Kain *wool*
- C Kain kapas
- D Kain rami atau jut

Soalan 19 dan 20 adalah berdasarkan **Rajah 5** di bawah:



Rajah 5

19. Namakan simbol penjagaan fabrik yang bertanda i.

- A Mencuci
- B Mencuci kering
- C Mengering di ampaian
- D Mengering menggunakan mesin pengering

20. Simbol yang bertanda ii adalah

- A Mencuci
- B Mencuci kering
- C Mengering di ampaian
- D Mengering menggunakan mesin pengering

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B


Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.


SOALAN 1

- a. Kayu sering digunakan untuk kemasan lantai ruang dalaman. Kemasan lantai kayu dipanggil parket. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan jenis susunan parket berikut.


i.




ii.




iii.



iv.



v.




(5 markah)

- b. Bandingkan **lima (5)** kriteria kayu jenis lembut (*Softwood*) dan keras (*Hardwood*).

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan maksud *moulding* dalam kemasan bahan kayu. (2 markah)
- b. Berikan tiga (3) bahan yang boleh menghasilkan *moulding*. (3 markah)
- c. Berdasarkan **Gambarajah 1** di bawah, namakan lima (5) komponen yang di label berserta fungsinya.



Gambarajah 1


(10 markah)

SOALAN 3


Jubin (*tile*) berfungsi menjadi pelindung lantai, dinding, bumbung dan permukaan atas perabut.

- a. Gambar di bawah merupakan antara jenis profil bahagian atas kaunter (*countertop edges profile*) yang biasa digunakan pada *marble*, *quartz* dan *granite*. Namakan jenis profil berikut.


i.



ii.



iii.



(3 markah)

- b. Terdapat banyak jenis jubin yang digunakan dalam kemasan rekabentuk dalaman. Senaraikan **empat (4)** jenis jubin yang berbeza.

(4 markah)

- c. Nyatakan **empat (4)** kelebihan dan **empat (4)** kekurangan penggunaan jubin dalam rekabentuk dalaman.

(8 markah)


SOALAN 4

a. Berikan maksud ringkas:-

- i. *Fabric*
- ii. *Upholstery*
- iii. *Soft furnishing*

(3 markah)

b. Penting bagi seorang perekabentuk dalaman untuk mempunyai pemahaman mengenai asas-asas pembinaan sofa. Nyatakan komponen mengikut label diberi pada **Gambarajah 2** di bawah.



Gambarajah 2

(6 markah)

c. Namakan jenis fabrik yang terbaik bagi *upholstery* sofa dan jelaskan lima (5) sebab mengapa?

(6 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berdasarkan **Gambarajah 3** di bawah. Huraikan mengikut pemerhatian anda.



Gambarajah 3

- a. Namakan ruang dan konsep yang terdapat pada **Gambarajah 3**.
(2 markah)

- b. Terangkan jenis bahan yang digunakan pada lantai, dinding, siling dan perabut pada **Gambarajah 3**.
(4 markah)

- c. Nyatakan teknik pemasangan bahan pada lantai, dinding, siling dan perabot mengikut istilah.
(4 markah)

SOALAN 2

- a. Nyatakan **dua (2)** jenis lantai *vinyl* yang digunakan dalam kemasan rekabentuk dalaman.

(2 markah)

- b. Senaraikan **lapan (8)** ciri-ciri *vinyl* yang sesuai digunakan sebagai kemasan rekabentuk dalaman.

(8 markah)

SOALAN 3

Cadangkan bahan atau material yang sesuai digunakan untuk lantai bagi ruangan berikut dan nyatakan alasan mengapa anda memilih bahan tersebut.

- a. Auditorium
- b. Ruang makan restoran
- c. Wad hospital
- d. Studio latihan muzik
- e. Ruangan kanak-kanak/ *playground*

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

